

Kerajaan Beri Tumpuan Sediakan Perkhidmatan Internet Berkualiti Untuk Rakyat – Rais
Bernama
8 Ogos, 2012
Daripada Voon Miaw Ping

ST. PETERSBURG (Russia), 8 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan terus berusaha untuk menyediakan perkhidmatan Internet dan jalur lebar yang bukan sahaja dalam lingkungan kemampuan rakyat, tetapi juga berkualiti tinggi, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata perkara itu menjadi fokus industri berkenaan ketika ini setelah ia berjaya menyediakan asas untuk meluaskan capaian Internet di Malaysia.

"Kini, kami perlu memberi tumpuan terhadap pendekatan bersifat kualitatif kerana rakyat tidak mahu lagi kemudahan yang disediakan bersifat asas semata-mata, tetapi mereka mahu sesuatu yang mempunyai kualiti lebih baik dan lebih pantas.

"Kemampuan dan kualiti perlu seiring, jika tidak, perkhidmatan dan aspek teknikal tidak boleh bergandingan untuk menghasilkan produk akhir untuk rakyat," katanya kepada Bernama selepas menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Telekomunikasi dan Penerangan APEC (Telmin-9) di sini Rabu.

Beliau berkata usaha juga akan diteruskan untuk merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar.

Beliau berkata sehingga kini, 3,100 kampung di seluruh negara dihubungkan dengan wi-fi.

Rais berkata pencapaian masa depan yang menjadi tumpuan ketika ini ialah daripada segi guna tenaga dan hasil yang dijana melalui industri yang berkembang pesat ini.

Beliau berkata sehingga tahun lepas, industri komunikasi dan ICT menyumbang RM48.8 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia.

Industri komunikasi, kandungan dan infrastruktur dijangka menjana RM57.7 bilion untuk PNK Malaysia dan mewujudkan lebih 43,000 pekerjaan untuk rakyat menjelang 2020.

Sementara itu, ketika menyifatkan Telmin-9 sebagai berjaya, Rais berkata: "Saya berpendapat mesyuarat ini telah berjaya membawa semangat tanggungjawab kolektif untuk menjaga masa depan supaya industri telekomunikasi, informasi dan teknologi dapat berjalan dengan baik."

Anggota delegasi ke mesyuarat itu juga telah mengemukakan pandangan bernas untuk membina masyarakat yang lebih utuh, katanya.

Beliau berkata Telmin-9 penting dan dianggap sebagai pintu gerbang untuk para pemimpin mengemukakan pandangan dalam menggalakkan pertumbuhan bidang informasi yang lebih lestari untuk industri dan pengguna Internet.

Mesyuarat dua hari itu berakhir Rabu dengan menerima pakai Deklarasi ST. Petersburg yang bertemakan 'Membina Keyakinan dan Keselamatan Dalam Penggunaan ICT Untuk Memupuk Pertumbuhan Ekonomi dan Kemakmuran'.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686711>